



**BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 3, Blok E10, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 4527
Faks : 603-8883 4150
Website : <http://www.dph.gov.my>

**KENYATAAN AKHBAR
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 36/2011 (4 hingga 10 September 2011)

Pada minggu ke-36 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 4 hingga 10 September, sejumlah 311 kes Demam Denggi dan tiada kematian telah dilaporkan, meningkat sebanyak 135 kes atau 77% berbanding dengan 176 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat lebih banyak kes yang dilaporkan pada minggu lepas berbanding minggu sebelumnya yang merupakan cuti perayaan, di mana majoriti masyarakat sibuk menyambut perayaan dan menyebabkan mereka tidak mendapatkan rawatan awal walaupun mengalami demam. Kebanyakan negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas (Lampiran A).

Pada tahun 2011 iaitu dari Januari hingga 10 September, sebanyak 13,889 kes dilaporkan, penurunan sebanyak 60% atau 20,841 kes berbanding dengan 34,730 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Sebanyak 22 kematian akibat Demam Denggi dilaporkan, menurun sebanyak 79% berbanding 105 kematian pada tempoh yang sama tahun 2010.

Sejumlah 37 lokaliti wabak Denggi dipantau di seluruh negara, menurun 10 berbanding 47 lokaliti pada minggu sebelumnya. Terdapat dua lokaliti wabak tidak terkawal pada minggu lepas iaitu Kuarters Balai Polis Salak South, Klang Lama dan Universiti Pertahanan Nasional

Malaysia (UPNM), Kem Sungai Besi, Cheras. Pemeriksaan pembiakan *Aedes* yang dijalankan pada minggu lepas di UPNM mendapati masih terdapat pembiakan *Aedes* di kawasan tersebut dan melebihi kadar sensitif 1%. Tiada lokaliti '*hot spots*' dikenalpasti pada minggu lepas tetapi kawasan wabak tidak terkawal ini berpotensi menjadi '*hot spots*' sekiranya masyarakat tidak prihatin dalam menjaga kebersihan kawasan persekitaran mereka. Kerjasama daripada masyarakat setempat sangat diperlukan untuk memastikan kawasan setempat bebas daripada pembiakan *Aedes*.

Aktiviti penyampaian mesej pencegahan denggi melalui perkhidmatan pameran interaktif lori bergerak masih diteruskan dan sehingga kini, sebanyak 11 lokaliti '*hot spots*' dan berisiko tinggi denggi di Lembah Klang telah dikunjungi. Sambutan dan penglibatan masyarakat terhadap perkhidmatan ini amat menggalakkan. Bagi Kempen Media Pencegahan Denggi yang telah dijalankan bermula bulan Ogos yang lepas dengan 103 tayangan iklan di televisyen, 62 siaran iklan radio dan sejumlah 30 terbitan iklan akhbar dilaksanakan sehingga kini. Pihak Kementerian Kesihatan berharap Kempen Media Pencegahan Denggi ini mampu memberi kesedaran berterusan kepada orang ramai dalam mengambil tindakan mencegah penyakit demam denggi.

Kementerian Kesihatan Malaysia

12 September 2011

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 36/2011
(04 hingga 10 September 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 36/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 36/2010
		Minggu 36 (4 – 10 Sept 2011)	Minggu 35 (28 Ogos – 3 Sept 2011)		
1	Perlis	2	0	70	137
2	Kedah	6	2	333	571 (3)
3	P. Pinang	24	20	1296 (2)	1064 (3)
4	Perak	25	10	897 (2)	1667 (5)
5	Selangor	103	70	5286 (5)	13358 (38)
6	WPKL & Putrajaya	42	17	1298 (1)	3334 (5)
7	N. Sembilan	17	7	539 (2)	1359 (7)
8	Melaka	3	2	280	821 (10)
9	Johor	29	10	1180 (5)	2913 (9)
10	Pahang	12	5	667 (1)	1064 (1)
11	Terengganu	11	6	497 (1)	769 (1)
12	Kelantan	13	13	518 (1)	2531 (9)
13	Sarawak	19	10	707	3445 (13)
14	Sabah	5	4	312 (2)	1681 (1)
15	WP Labuan	0	0	9	16
	MALAYSIA	311	176	13,889 (22)	34,730 (105)

Nota: () Kematian